

Oleh Zaitie Satibi
zaisa@hmetro.com.my

Pesakit buah pinggang kronik perlu menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga kali seminggu dengan sekurang-kurangnya empat jam setiap sesi.

Dialisis adalah kaedah rawatan gantikan fungsi buah pinggang yang menggunakan mesin dialisis disebabkan organ itu tidak dapat lagi berfungsi dengan baik dan tahap kerosakan pula mencapai 85 hingga 90 peratus.

Pesakit buah pinggang perlu melakukan fistula terlebih dulu iaitu sambungan yang dibuat di lengan pesakit dengan cara menyambungkan urat dan arteri melalui pembedahan. Dua jarum khas dicucuk ke dalam fistula untuk mengalirkan darah dan disambung ke mesin dialisis melalui tiub darah.

Satu jarum untuk mengalirkan darah mengandungi bahan kumuh dari badan dan ditapis menggunakan buah pinggang tiruan pada mesin dialisis sebelum darah yang dibersihkan itu dimasukkan semula ke dalam badan melalui jarum yang satu lagi. Rawatan boleh dilakukan di pusat rawatan yang menyediakan mesin dialisis atau di rumah.

Dialisis adalah pilihan utama pesakit buah pinggang meneruskan kelangsungan hidup mereka kerana kesukaran mendapatkan buah pinggang sihat daripada penderma.

Bagaimanapun, rawatan ini menjadi igauan ngeri segelintir pesakit buah pinggang berikutan kosnya tinggi sehingga mencecah RM250 bagi satu sesi.

Ini menyebabkan ramai pesakit yang berpendapatan rendah bergantung kepada subsidi rawatan dialisis daripada Kementerian Kesihatan dan badan amal lain atau sumbangan orang ramai. Kos turut membabitkan

BANTU PESAKIT BUAH PINGGANG

NKF kurangkan bayaran bagi setiap rawatan dialisis



DR Zaki Morad

Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan syarikat berkanun.

Pengerusi NKF Malaysia, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher berkata, penyakit buah pinggang kronik (CKD) sepanjang hayat dan boleh menjejaskan kualiti hidup pesakit. Dengan peningkatan kos sara hidup, pihaknya memahami kos rawatan dialisis juga boleh menjadi beban kewangan kepada pesakit dan keluarga mereka.

“Sakit buah pinggang menjejaskan fungsi ginjal untuk menyinkir bahan kumuh daripada tubuh. Jika tidak dirawat, bahan kumuh itu akan berkumpul dalam

tubuh sehingga mencecah paras toksik dan menyebabkan kegagalan buah pinggang sepenuhnya (ESRD).

“CKD membabitkan kemerosotan fungsi buah pinggang dan ia tidak dapat dikembalikan semula, namun perkembangannya boleh diperlahankan menerusi sesi dialisis secara berkala,” katanya.

Menurutnya, NKF berhasrat membantu pesakit buah pinggang menerima rawatan sempurna tanpa dibebani kos rawatan tinggi. Pihaknya adalah organisasi tidak berasaskan keuntungan dan berdedikasi membantu pesakit buah pinggang kurang bernasib

baik. Yayasan ini memperoleh dana sepenuhnya daripada sumbangan orang ramai dan sektor swasta.

“Yayasan menjangkau kira-kira 1,600 pesakit buah pinggang setakat ini yang menerima subsidi rawatan dialisis menerusi program dialisis di semua 28 pusat dialisis di seluruh negara dan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai CKD menerusi kempen. Kami percaya pesakit buah pinggang juga berhak mendapat kualiti hidup lebih baik sama seperti insan normal lain.

“NKF bermatlamat untuk menyediakan penjagaan yang sempurna dan holistik bagi memastikan pesakit buah pinggang menerima sokongan terbaik daripada aspek emosi, psikologi dan kewangan,” katanya.

NKF turut menyediakan sokongan lain kepada pesakit buah pinggang, termasuk dana kebajikan pendidikan kanak-kanak yang membantu menampung perbelanjaan pendidikan pesakit buah pinggang kanak-kanak yang masih bersekolah dan kaunseling untuk ibu bapa dan anggota keluarga lain.

ubatan susulan, suntikan epex, recormon atau mircera dan pengangkutan.

Menyedari beban ditanggung pesakit, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia mengumumkan skim bayaran baru rawatan dialisis di pusat dialisis kendalian yayasan berkenaan apabila menurunkan kos untuk pesakit yang tidak ditaja daripada RM100 kepada RM90 bagi satu sesi.

Kos untuk pesakit yang menerima subsidi kementerian pula diturunkan daripada RM50 kepada RM40. Bagaimanapun, semakin kos itu tidak membabitkan pesakit yang menerima bantuan sepenuhnya daripada badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Angkatan



PUSAT rawatan dialisis NKF